



Merantau ke Kuala Lumpur: Tradisi merantau dan berdagang masyarakat Minang

Nelmawarni Bungo¹, Nordin Hussin²

¹Jurusan Jinayah Siyasah, Fakulti Syariah, Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol Padang Sumatera, Indonesia, ²Pusat Sejarah Politik dan Strategik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Nordin Hussin (email: nordin@ukm.my)

Abstrak

Tradisi merantau adalah sebahagian daripada sejarah sosial dan ekonomi masyarakat Melayu terutamanya yang berketurunan Minangkabau. Kajian mengenai migrasi yang dilakukan oleh para sarjana terutamanya yang melibatkan masyarakat Melayu amat kurang dilakukan terutamanya pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kebanyakannya hanya memberikan fokus kepada migrasi Orang Cina dan India. Merantau dalam dunia yang tanpa sempadan sebelum wujudnya negara bangsa adalah sesuatu yang lumrah dilakukan oleh masyarakat Melayu untuk mengubah dan meningkatkan status kehidupan seseorang. Merantau dikalangan masyarakat Minang telah berlaku sejak zaman awal lagi bila sebahagian masyarakat Minang telah merantau ke wilayah timur pulau Sumatera dan seterusnya ke Semanjung Tanah Melayu terutamanya ke Kuala Lumpur. Artikel ini membicarakan tentang perantau Minang yang telah berjaya membuka Kuala Lumpur dan juga konsep merantau yang menjadi asas kepada tradisi masyarakat Minangkabau tersebut.

Katakunci: Melayu, merantau, Minang, orang dagang, pedagang, sejarah ekonomi

Migration to Kuala Lumpur: The Minangkabau cultural tradition of out-migrating and trading

Abstract

Merantau or inter-island migration is one of the most important aspects of social and economic history of the Malays. Studies on immigration in the Malay Peninsula in the 19th and first half of the 20th centuries have been written by many scholars. However, their attentions have been mainly focused on the Chinese and Indians due to the large contribution made by these communities to the economic development of the then Malaya. The contributions of the people of the Malay stock who have migrated into the peninsula during these centuries have attracted less attention. This article tries to reveal the role of Minangkabau migrants and traders in the early history of Kuala Lumpur. In this study their migration will be seen through the cultural tradition of the Malay world, the *merantau* or inter-island migration. The term *merantau* here is associated with the Minangkabau tradition of leaving their homeland to seek their fortunes in a new land. The Minangkabaus will be the focus of this study because they make the largest single group of "orang dagang" (migratory traders) in the early history of Kuala Lumpur. They were also considered to be one of the most important groups of people who were widely involved in the early

commercial development of Kuala Lumpur. This study revolves around two major issues, namely, the role of the Minangkabaus in the economic, social and political development of Kuala Lumpur and the merantau tradition which formed the context within which the inter-island migration from Sumatera to Malaya of the Minangkabau migratory traders.

Keywords: economic history, inter-island migration, *Melayu*, merchant, migratory traders, *Minang*

Pengenalan

Merantau dan berdagang adalah tradisi lumrah yang telah menjadi sebahagian dari budaya masyarakat Minang. Lantaran aktiviti ini menjadikan mereka terkenal sebagai masyarakat pedagang dan peniaga sama ada secara kecil-kecilan atau dalam skala yang besar. Artikel ini membincangkan tradisi merantau dan berdagang dikalangan masyarakat Minang yang telah menetap di Semenanjung Tanah Melayu semasa zaman kolonial Inggeris. Masyarakat Minang yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah masyarakat Minang dalam pengertian yang luas. Ia tidak hanya terbatas kepada orang Minang yang berasal dari Sumatera Barat sekarang ini, tetapi juga meliputi masyarakat Minang yang berasal dari Alam Minangkabau (*luhak*, *rantau* dan *pesisir*). Maka dalam hal ini setelah diteliti dari pelbagai sumber didapati selain perantau Minang yang berasal dari tanah leluhur juga terdapat perantau Minang dari alam rantau Minangkabau. Mereka adalah orang Minang yang datang negeri-negeri rantau Minangkabau seperti Kampar, Siak, Batu Bara, Rawa, wilayah timur Sumatera dan kemudiannya telah merantau semula ke beberapa negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Merantau dan berdagang tradisi masyarakat Minang

Sebelum abad ke-15, perhubungan perdagangan diantara wilayah di Selat Melaka iaitu diantara Sumatera dan Tanah Melayu adalah amat rapat terutamanya diantara kerajaan Melayu di Sumatera dengan kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Negeri Minangkabau yang terkenal dengan hasil pertanian dan emasnya telah memainkan peranan penting dalam dunia perdagangan di Selat Melaka. Daerah Tanah Datar adalah sumber utama menghasilkan emas di Minangkabau. Oleh kerana itu tiga jenis barangan (emas, lada hitam, dan biji timah) merupakan barangan yang penting bila orang Minangkabau ini memulakan perdagangan mereka (Dobbin, 1992:69, Kato, 1989:73). Daripada hasil pertanian dan sumber emas, pemerintahan dan perdagangan Minangkabau dibangunkan dan komoditi ini sangat mempengaruhi perkembangan sejarah sosio-ekonomi daerah mereka.

Sebelum kedatangan Eropah orang Minang telah dikenali sebagai pedagang hasil pertanian dan juga emas. Bahkan kekayaan emas di daerah Minangkabau ini digambarkan dalam surat yang dikirim oleh Yang Dipertuan di Pagaruyung, Paduka Sri Sutan Achmad Syah kepada kompeni Belanda di Batavia pada pertengahan tahun 1667, yang menyatakan bahawa Raja Minangkabau menguasai wilayah dan sungai yang menghasilkan emas (Cortesao, 1944:113,165. Di samping emas wilayah ini juga kaya dengan hasil lada hitam yang diperolehi dari wilayah pesisir Sumatera.

Untuk mengeksport hasil pertanian dan emas yang terletak jauh di pedalaman terutama yang berada di sekitar daerah Tanah Datar para pedagang Minang mempunyai dua pilihan iaitu samada menempuh perjalanan darat menuruni lereng-lereng curam bukit barisan atau menyusuri Sungai Inderagiri atau Sungai Kampar. Sungai Kampar yang mengalir dari kawasan pedalaman Sumatera

Barat telah memberikan perhubungan yang baik kepada penduduk dari Sumatera Timur untuk menghantar hasil-hasil buminya ke pelabuhan Melaka ataupun memasarkannya secara langsung kepada pedagang-pedagang China, Arab dan India yang singgah di Siak (Dobbin, 1983:60-61, *TBG*: xxxix 1897).

Pelabuhan Melaka sering menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari berbagai pelusuk tempat seperti dari India, Parsi dan Arab, Burma (Pegu), Cina, Bengal, Ceylon, Coromandel, Turki, Siam dan pedagang-pedagang dari kepulauan Nusantara termasuk juga dari Minangkabau (Cortesao, 1944:246, Shrieke, 1957:230-231, Nordin Hussin, 2005, Nordin Hussin 2007, Nordin Hussin 2008, Nordin Hussin 2011). Kemajuan Melaka telah menarik Portugis untuk turut sama melakukan hubungan perdagangan dan pada masa itu barangan dagangan yang mendapat pasaran yang tinggi di Nusantara adalah rempah dan lada hitam (Roelofs, 1962:120). Bahkan ketika Melaka berada di puncak kegemilangannya pada awal abad ke-16 hingga ditawan oleh Portugis pada tahun 1511, Tome Pires mencatat bahawa ketika itu Melaka merupakan pelabuhan yang paling sibuk di dunia, dan menjadi bandar kosmopolitan yang tiada tandingnya, bahkan di pasarnya terdapat apa sahaja barangan dagangan yang diperdagangkan pada masa itu dan menjadi pusat perdagangan bagi seluruh dunia Melayu dan tempat tinggal berbilang kaum. Menurut Tome Pires tidak kurang daripada 50 bangsa dan suku kaum yang berkunjung dan berdagang di Melaka. Tome Pires mencatatkan: "Moors from Cairo, Mecca, Aden, Abyssinians, men of Kilwa, Malindi, Ormuz, Parses, Rumes, Turks, Torkomans, Christian, Gujeratees, men of Chaul, Dabhol, Goa, men of the kingdom of Deccen, Malabars and Klings, merchants from Orissa, Ceylon, Bengal, Arakan, Pegu, Siamese, men of Kedah, Malays, men of Pahang, Patani, Cambodia, Champa, Cochin China, Chinese, Lequedos, men of Brunei, Lucoes men of Tammjompura, Laur, Bangka, Linga (they have a thousand other island), Moluccas, Banda, Bima, Timor, Madura, Java, Sunda, Palembang, Jambi, Tongkal, Indragiri, Kappatta, Minangkabau, Siak, Arqua, Aru, Bata, country of the Tamjano, Pase, Pedir, Maldives." Sebanyak 84 bahasa dipertuturkan di sana, di mana setiap satu sama lainnya berbeza (Cortesao, 1944:268-270, Nordin Hussin, 2007, 2008) Penduduknya dianggarkan semasa zaman keagungannya itu berjumlah 100.000 orang (Reid, 1980:235-250).

Setelah Melaka dikuasai oleh Portugis dan kemudian oleh Belanda, Melaka terus menjadi pelabuhan yang penting di Asia Tenggara (Nordin Hussin, 2005, Nordin Hussin 2007, Nordin Hussin 2008, Nordin Hussin 2011). Jaringan perdagangan Melaka termasuklah dengan pedagang dari Gujerat, Malabar, Keling, Benggali, dan Pegu. Selain itu Melaka juga telah dikunjungi oleh pedagang-pedagang dari Pasai, Aru, Jawa, China, Minang, serta pedagang dari Tanjung Pura, Makasar, dan Brunei (Nordin Hussin, 2011, 2007, 2005).

Dengan wujudnya pelabuhan Pulau Pinang pada tahun 1786 para pedagang Minang juga memainkan peranan penting sebagai pedagang yang berdagang dengan Inggeris untuk mendapatkan kain tekstil Koromandel (Nordin Hussin, 2011, 2005). Bagi tujuan menarik pedagang Minang ke Penang pentadbiran Inggeris telah menjual kain tekstil dari India kepada pedagang Minang dengan mengenakan cukai yang rendah sedangkan Belanda di Melaka mengenakan lima puluh sembilan peratus cukai bagi menguat keuntungan (Dobbin, 1983:92). Para pedagang dari Lima Puluh Kota Minangkabau juga mendapat keuntungan berlipat ganda apabila mereka membawa bersamanya barangan yang amat diperlukan untuk berdagang dengan Penang seperti gambir. Gambir telah di eksport semula ke China untuk dijadikan bahan pewarna dan ubatan dan juga ke kepulauan kerana merupakan salah satu unsur dalam makan sirih, iaitu untuk membersihkan mulut, dan juga untuk menyamak kulit. Tanaman ini sangat sesuai di tanah dan daerah pegunungan Lima Puluh Kota, dan gambir Lima Puluh Kota dianggap bermutu lebih tinggi daripada gambir Riau, kerana kadar taninya yang tinggi (Marsden, 1811:160). Sehingga pada tahun 1835 dilaporkan bahawa perdagangan gambir untuk dieksport ke Penang menjadi monopoli utama para penghulu di Payakumbuh Lima Puluh Kota (Dobbin, 1983:144)

Sementara itu orang Minang yang sudah berabad-abad merantau dan menetap di sebahagian wilayah di Sungai Siak dan di sepanjang pantai timur Sumatera terutamanya di Batu Bara dan Asahan, kebanyakan mereka adalah pedagang perantara. Mereka menjalankan perdagangan perantara diantara pelabuhan Melaka dan Penang dengan wilayah-wilayah di pedalaman Sumatera. Pedagang Minang menghubungkan entrepot Penang dengan pasaran barangan dari wilayah Minangkabau. Perdagangan ini telah diperkukuhkan lagi dengan wujudnya pasar-pasar sungai yang terdapat di sepanjang sungai bagi mendapatkan muatan barangan hasil pertanian dan emas yang dibawa dari beberapa tempat di hulu dan hilir sungai seperti Sungai Siak, Sungai Kampar dan Sungai Indragiri. Tempat-tempat pengumpulan barangan utama adalah seperti di pelabuhan Patapahan, Siak, Pekan Baru dan ibu kota kesultanan Siak, iaitu Siak Sri Inderapura (Dobbin, 1983:94, Nordin Hussin, 2011, 2007, 2005).

Untuk aktiviti perdagangan di Selat Melaka dan membawa barang dagangan ke Pulau Pinang muncul kelompok pedagang perantara. Mereka ini adalah terdiri dari orang Minang yang telah menetap di Batu Bara yang telah menjalankan perdagangan lintas Selat. Mereka terlibat dalam perdagangan gambir yang dihasilkan dari wilayah Minangkabau ke Penang melalui Siak. Dari statistik pelabuhan yang paling awal menunjukkan bahawa bukan sahaja pedagang Minang dari Batu Bara yang datang ke Penang tetapi terdapat juga pedagang Minang dari Siak yang membawa gambir sebagai muatan utamanya (SSFR: 1787). Perdagangan gambir dari Siak ke Penang telah berkekalan sehingga pertengahan abad ke-18. Walaupun tidak banyak sumber mengenai tahun-tahun awal abad ke-19, namun pada tahun 1833 terdapat sebanyak 15,000 pikul gambir dieksport ke pelabuhan itu dari Lima Puluh Kota Minangkabau melalui sungai-sungai di pantai timur Sumatera (Van den Bosch to de Stuers, 20 Cec. 1833, no. 467, Baud 480). Perdagangan kopi diantara pedagang Minang dengan Singapura juga memainkan peranan yang penting. Pada tahun 1825, sebanyak 1,088 pikul kopi dieksport ke Singapura oleh pedagang Minang melalui Sungai Kampar, dan pada tahun 1826 telah meningkat kepada 4,452 pikul, dan pada tahun 1829 dianggarkan sebanyak 9,600 sehingga 12,000 pikul kopi telah dieksport setiap tahun (*Singapore Chronicle*, Sept.1829).

Dengan demikian jelaslah bahawa pedagang Minang sudah memainkan peranan aktif dalam perdagangan di Selat. Kesan jangka panjang dari kegiatan perdagangan ini jugalah salah satu sebab mengapa ramai orang Minang telah merantau ke Semenanjung Tanah Melayu. Oleh itu dapat dikatakan bahawa jika penghijrahan orang Minang yang berlaku di wilayah Alam Minangkabau adalah didorong oleh kegiatan meneroka tanah pertanian tetapi penghijrahan ke timur terutamanya ke Semenanjung Tanah Melayu pula selain dari bertujuan untuk meneroka tanah pertanian tetapi kebanyakannya adalah bertujuan untuk berdagang dan berniaga.

Perniagaan dan perdagangan dalam kehidupan masyarakat Minang

Penghijrahan suku bangsa Melayu dari kepulauan Dunia Melayu ke Tanah Melayu semakin meningkat pada abad ke-19 dan ke-20. Aliran ini bukanlah satu gelombang yang baru tetapi ia merupakan lanjutan daripada proses biasa yang telah berlaku sebelumnya. Pentadbiran British di Tanah Melayu yang lebih liberal berbanding dengan penjajahan Belanda di Hindia Timur adalah pemangkin kepada meningkatnya aktiviti merantau (Winstedt, 1955:37). Sejumlah besar orang Melayu dari Kepulauan terutamanya orang Jawa merantau ke Semenanjung pada zaman kolonial adalah untuk mencari peluang pekerjaan sama ada sebagai buruh kontrak, buruh bebas atau pun peneroka tanah. Sebahagian mereka pula pada awalnya datang ke Tanah Melayu hanya sebagai tempat persinggahan untuk ke Mekah dan kemudiannya telah bertukar fikiran lantas untuk menetap disini. Kebanyakan kes seperti ini adalah mererka yang menjadikan Singapura dan

Pulau Pinang sebagai tempat persinggahannya untuk ke Mekah. Terdapat juga dikalangan mereka ini yang telah singgah di kedua-dua pelabuhan ini untuk mencari sumber kewangan tambahan untuk menunaikan haji tetapi kemudiannya telah menukar fikiran untuk terus menetap. Namun bagi orang Minang oleh kerana perdagangan adalah budaya yang telah menjadi darah dagingnya sehingga ke mana sahaja mereka merantau dunia perdagangan sentiasa menjadi pilihannya. Walaupun banyak kesempatan-kesempatan pekerjaan seperti dalam bidang perburuhan mereka tetap memilih bidang perdagangan. Justeru, budaya dan amalan yang menekankan tentang perniagaan telah menyebabkan sebahagian besar diantaranya lebih rela menjadi pedagang “kaki lima” daripada makan gaji yang dikawal oleh majikan (Naim,1979:158).

Makan gaji dan memburuh bukanlah budaya yang disanjung oleh masyarakat Minang yang merantau. Oleh kerana itu Kebanyakan orang Minangkabau di rantau lebih suka *manggaleh* (berdagang) daripada berkerja makan gaji atau dengan kerajaan (Naim, 1979, Usman Pelly, 1984). Hal ini kerana, pertama, secara struktural hidup makan gaji sangat terikat dengan lokasi tempat tinggal dan dengan birokrasi pekerjaan itu sendiri terutama bila dibandingkan dengan pekerjaan lainnya seperti berdagang dan bertukang sendiri. Keterikatan ini menyebabkan mobiliti mereka sangat terbatas sedangkan kebebasan individu merupakan ukuran utama dalam pemilihan pekerjaan di rantau. Kedua, kehidupan makan gaji dianggap tidak memberikan cabaran yang besar terhadap individu kerana rezeki dari makan gaji dianggap dikawal dan ditetapkan orang ketiga. Oleh itu orang yang hidup makan gaji dianggap sukar dan lambat untuk memajukan diri sehingga masa hadapannya dapat dibayangkan sebagai terbatas (Usan Pelly,1984:51). Bahkan Kato juga pernah membuat penyelidikan tentang orientasi pekerjaan orang Jawa dengan orang Minangkabau. Kenapa orang Jawa lebih cenderung berkerja dengan kerajaan sementara orang Minangkabau lebih cenderung berniaga. Birokrasi Indonesia telah berkembang pada kadar yang membimbangkan sejak kemerdekaan tanpa perkembangan yang seimbang dalam bidang industri dan perdagangan. Sebahagian daripada masalahnya adalah “semua orang” dengan sedikit pengecualian mahu menjadi pegawai (yang berkerja di pejabat). Orang Minangkabau adalah antara sebilangan kecil pengecualian itu. Menurut tafsiran mereka sendiri, orang Minangkabau terlalu bebas dan berdikari, perwatakan mereka tidak cukup patuh untuk berkerja dalam birokrasi. Bahkan Kato berpandangan bahawa orang Minangkabau seolah-olah memainkan peranan sebagai para pejuang yang melahirkan usahawan-usahawan pribumi dalam proses pemodenan Indonesia (Kato, 1989:9).

Manakala pekerjaan menjadi buruh pula dikalangan orang Minang dianggap sebagai pekerjaan yang berstatus paling rendah. Oleh kerana itu pekerjaan ini kurang diutamakan di kalangan mereka. Di daerah asal negeri Minang kalau seseorang bertanyakan tentang pekerjaan anak atau menantunya yang telah merantau maka dengan bangganya menyebut “*manggaleh*” iaitu bermaksud berdagang. Tidak kira jenis dagang (galeh) kecil atau besar yang dilakukannya. Tetapi masyarakat Minang akan mengalami kesukaran menjawab bila anak atau menantunya berkerja sebabagai buruh dan pegawai kerajaan. Kalau ia pegawai kerajaan maka akan muncul pertanyaan selanjutnya, *berapa gajinya?, apa pangkatnya?, cukupkah makannya dengan gaji sebesar itu?, dapatkah dia menolong anak buahnya?, sudah berapakali dia pulang kampung?* Persepsi ini amat berbeza sekali dengan pekerjaan berniaga atau berdagang. Ini adalah disebabkan berniaga dan berdagang amat sukar untuk di ukur masa depannya kerana pekerjaan tersebut banyak tergantung kepada kegigihan dan kelincahan seseorang itu. Justeru, pekerjaan perdagangan adalah pekerjaan utama kebanyakan para perantau Minang. Pekerjaan berdagang memberikan kebebasan dan cabaran yang besar bagi mereka. Oleh itu bidang berniaga sangat rapat dengan budaya dan amalan mereka untuk dijadikan sebagai tempat perjuangan hidup ketika mereka merantau. Apabila perantau Minang berjaya dalam usaha berniaga maka ini menjadi satu

lambang dan status kejayaan mereka dan disanjung dalam masyarakatnya dan menjadi perantau yang berjaya.

Oleh kerana itu, sejak akhir abad ke-19 dan menjelang abad ke-20, kebanyakan pedagang-pedagang Melayu yang berada di Kuala Lumpur adalah terdiri dari mereka yang telah merantau dari kepulauan Melayu khususnya orang Jawa dan Minang. Sehingga tahun 1890-an masyarakat Melayu yang menetap di Kuala Lumpur merupakan pedagang-pedagang daripada Sumatera dan Jawa (Gullick, 1998:34). Lebih tegas lagi dikatakan bahawa sebahagian besar daripada masyarakat pedagang di Kuala Lumpur pada tahun-tahun 1890-an adalah mereka yang telah merantau dari pelbagai daerah di tanah leluhur Minangkabau (Treacher, 1894, Roff, 1967:37). Bahkan pada tahun 1870 dikatakan bahawa ramai orang Minang yang berdagang di Klang. Masyarakat pedagang Minang yang telah berhijrah di Klang telah diketuai oleh seorang yang bernama Syeikh Mohd.Taib (File MISC 183/80 Kuala Lumpur).

Memang terdapat kesukaran untuk mengetahui dengan tepat peniaga dan perantau Minang di Semenanjung Tanah Melayu kerana mereka sering dikategorikan sebagai “peniaga Melayu” sahaja. Apabila disebut peniaga Melayu, maka konotasinya adalah mereka ini terdiri daripada orang-orang yang beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan ciri-ciri kehidupan Melayu. Tetapi dalam pada itu harus juga diingat bahawa peniaga-peniaga Melayu ini adalah terdiri daripada berbilang suku mengikut daerah asal mereka seperti orang Minang, Jawa, Bugis dan sebagainya.

Pada tahun 1930an, untuk mencari orang Melayu tempatan yang berniaga di Kuala Lumpur agak sukar kerana kebanyakan peniaga-peniaga Melayu waktu itu adalah mereka yang terdiri daripada orang Sumatera yang kebanyakannya berniaga di Batu Road, Melaka Street dan Malay Street. Namun kehadiran peniaga Melayu dapat ditelusuri di pasar malam atau pasar minggu. Di sini terdapat ramai peniaga-peniaga Melayu tempatan yang berniaga barang-barang kampung seperti di pasar minggu Kampung Baru yang telah ditubuhkan pada tahun 1930-an oleh beberapa orang peniaga Melayu yang berpengaruh di Jalan Raja Muda Musa. Pada tahun 1930-an hampir 98% dari peniaga-peniaga Melayu di Kuala Lumpur adalah mereka yang merantau dari Dunia Melayu. Bahkan dikatakan juga bahawa sebelum Perang Dunia Kedua golongan peniaga-peniaga Melayu di Kuala Lumpur adalah kebanyakannya terdiri daripada orang Minang dan orang Jawa. Mereka ini dianggap sebagai peniaga-peniaga Melayu yang gigih pada waktu itu dan mempunyai kesungguhan dan kesedaran dalam perniagaan. Mereka sangat percaya dan beranggapan bahawa berniaga adalah suatu pekerjaan yang mulia dan digalakkan oleh ugama serta merupakan satu-satunya pekerjaan yang dapat memperbaiki dan menjamin kehidupan mereka.

Pedagang Minang di Kuala Lumpur

Kuala Lumpur adalah salah satu kawasan bandar yang banyak ditempati oleh perantau Minangkabau. Kebanyakan mereka yang menetap di kawasan ini adalah memulakan penghidupan baru sebagai seorang peniaga atau pengusaha lombong bijih timah. Maka sejarah awal Kuala Lumpur penuh diwarnai oleh perantau Minang yang mengusahakan perniagaan dan perlombongan. Antara pedagang Minang yang berjaya di Kuala Lumpur adalah Haji Momamed Thaib. Beliau adalah salah seorang perantau Minang yang berjaya dalam perniagaan (Selangor Secretariat 4304/1896, Gullick, 1998: 34).

Haji Mohd. Thaib bin Haji Abdul Samad dilahirkan pada tahun 1858 dan berasal dari Batu Sangkar Minangkabau Sumatera Barat. Beliau telah merantau ke Malaya pada tahun 1876 iaitu semasa berusia 18 tahun (Roff, 1966: 62-68). Sebagaimana kebanyakan pemuda Minang yang merantau waktu itu beliau juga berpegang kepada nilai dan tradisi Minang yang diamalkan iaitu

untuk mencari kehidupan baru dengan berniaga dan berdagang di tempat baru. Kebanyakan perantau Minang yang berdagang di Kuala Lumpur pada tahun 1880-an adalah mereka yang mengusahakan perniagaan runcit terutama membuka kedai. Terdapat juga sebilangan kecil yang mengusahakan perusahaan seperti Haji Mohd. Thaib yang telah melaburkan modal perniagaannya dalam bidang perlombongan, perkebunan dan perdagangan. Sejarah kejayaan perniagaan Haji Mohd. Thaib bermula sebagai seorang pedagang barang perhiasan yang berjaya di Selangor (Gullick, 2000: 201). Beliau memiliki lombong biji timah, tanah perkebunan, sejumlah rumah besar serta kedai di Malay Street dan di beberapa kawasan disekitar Kuala Lumpur (Selangor Secretariat 4304/1896). Beliau juga memiliki tanah seluas 25 ekar untuk perlombongan di Semenyih (District Office Ulu Langat, 30 May 1907). Begitu juga halnya dengan Haji Abbas bin Abdul Samad iaitu saudara kepada Haji Mohamad Thaib bin Haji Abdul Samad yang juga pengusaha dalam bidang perlombongan. Haji Abbas bin Haji Abdul Samad juga memiliki tanah perlombongan seluas 7 ekar di Pertak Selangor (District Office Ulu Selangor 11 April 1911).

Perniagaan Haji Mohamad Thaib terletak di no. 27 Jalan Pudu, Kuala Lumpur. Beliau mempunyai 10 orang anak, enam orang laki-laki dan empat orang perempuan. Kesemua anak lelakinya telah dididik dalam bidang perdagangan dan membantunya menjalankan aktiviti perdagangan (Roff, 1966:62-68). Hasil dari perniagaannya beliau telah beberapa kali menunaikan haji bersama dengan keluarganya dan juga telah membuka cawangan perniagaannya di tanah tumpah darahnya iaitu di Minangkabau. Pada tahun 1896, Haji Mohd. Taib telah membawa anak-anaknya, iaitu Haji Abdullah bin Haji Mohd. Taib dan Haji Ahmad bin Haji Muhammad Taib ke *Kampung Rao-Rao* (Kampung Rawa-Rawa) iaitu sebuah perkampungan para peniaga di Sumatera iaitu tanah leluhur Haji Mohd. Taib bin Haji Abdul Samad (Persatuan Melayu Selangor (PMS), 15 April 1934).

Pada tahun 1900 Haji Abdullah anak sulung Haji Mohd. Thaib telah mengunjungi tanah suci Mekkah bersama saudara-saudaranya. Kemudian dalam tahun 1901 beliau menikah dengan Che Siti Hawa binti Mohd. Yasin seorang gadis Melaka dari Kampung Jambatan Duyung. Mereka mempunyai tiga orang anak. Dua orang yang pertama meninggal semasa kecil. Anak yang ketiga adalah Othman bin Abdullah yang lahir pada 21 Disember 1905 di rumah keluarganya No.27 Jalan Pudu (Roff, 1966:62-68). Sebagai seorang cucu pedagang Minang yang berjaya di Semenanjung Tanah Melayu, Othman Abdullah pernah merantau ke Mekkah selama lima tahun belajar agama di Masjidil Haram dengan gurunya Haji Abdullah Tembusai yang juga seorang perantau Minang di Mekkah. Pada tahun 1925 beliau melanjutkan pendidikannya di Universiti Al-Azhar Cairo. Semasa di Cairo beliau terkenal sebagai seorang pelajar Melayu dari kalangan keluarga yang berada. Pada tahun 1925, berkat sokongan kewangan dari beliau dan keluarganya telah berjaya menubuhkan sebuah persatuan untuk pelajar-pelajar Indonesia dan Melayu yang telah ditubuhkan di Al-Azhar dengan nama *Al-Jam'iah al-Khairiah*. Ini adalah persatuan Melayu yang pertama ditubuhkan diluar negara. Antara kegiatan utama persatuan ini adalah menerbitkan majalah bulanannya yang dinamakan *Seruan Azhar* yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat Melayu di tanah air tentang perubahan politik dan kesedaran kebangsaan. Selain itu juga Othman Abdullah juga merupakan salah seorang nasionalis Melayu yang berjuang menuntut kemerdekaan daripada Inggeris. Beliau memainkan peranan yang penting dalam penubuhan KMM (Kesatuan Melayu Muda) sebagai bendahari (Roff, 1967: 271).

Haji Ja'far Amin anak saudara kepada Haji Mohd. Thaib yang juga seorang pedagang Minang yang berjaya di Kuala Lumpur juga merupakan pengusaha sebuah Restoran Melayu di Jalan Melaka. Haji Ja'far Amin juga adalah datuk kepada Dato' Firdaus Abdullah, iaitu salah seorang keturunan Minangkabau, yang berasal dari Rao-Rao Batu Sangkar Minangkabau. Beliau dilahirkan pada 3 Jun 1944 di Kuang Selangor. Selain seorang ahli akademik (sosial saintis) beliau juga berpengalaman dalam bidang kesusasteraan, Beliau terkenal sebagai penyair yang

kental dengan “semangat kedaerahannya” atau “keminangkabauannya”. Ini sering terserlah dalam karya-karyanya yang kreatif. Bahkan penglibatan beliau dalam dunia puisi, bermula dengan berbagai-bagai bentuk puisi Minangkabau. Menurut Firdaus, dari segi bahasa dan sastera, puisi-puisi yang paling digemari semasa kecil dahulu adalah pantun-pantun dan pepatah-petitih Minangkabau. Apatah lagi oleh sebab keluarganya adalah memang berasal dari Minangkabau dan masa sebelum perang, ayahnya selalu mengikuti siaran Radio Republik Indonesia, terutama yang dipancarkan dari Padang yang selalu menyiarkan Sandiwara Randai dan lagu-lagu Minang lama. Pengaruh Minangkabaunya amat jelas di mana sahaja beliau berada, baik di Amerika ataupun di Moscow. Nada Minangnya tetap dapat dikesan melalui puisi-puisi yang dihasilkannya. Beliau pernah memegang jawatan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya Kuala Lumpur dan bergelar Profesor. Pernah menjawat jawatan ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia.

Setelah Haji Ja'far meninggal usaha ini dilanjutkan oleh anaknya Abdullah Haji Ja'far. Restoran Waspada yang terletak di Wisma Yakin adalah cawangan dari restoran kepunyaan keluarga Firdaus Abdullah. Restoran cawangan ini diuruskan oleh Haji Jiran yang berasal dari Kabau Bukit Tinggi, (Keterangan ini diperoleh dai temubual dengan Pak Bukhari, suami kepada adik perempuan Firdaus Abdullah, pada 10 Februari 2010 di Keramat Permai Kula Lumpur. Menurut Firdaus Abdullah ketika ditemubual pada 15 Ogos 2006, beliau mengatakan bahawa semasa pemerintahan Inggeris hanya terdapat dua kedai makan Melayu di Jalan Melaka Kuala Lumpur dan salah satu daripada restoran makanan tersebut adalah kepunyaan ayahandanya.

Khatib Koyan bin Abdullah, penghulu Setapak, juga merupakan perantau Minang yang berjaya di Kuala Lumpur (NATIVE 2311/89). Selain berjaya dalam perniagaan beliau juga memiliki sejumlah besar tanah dari Batu 2 hingga Batu 9 Gombak. Beliau mengusahakan kegiatan mendulang biji timah di sepanjang Sungai Gombak hingga ke Kuala Lumpur. Kejayaannya mengusahakan perlombongan timah telah menjadikannya terkenal sebagai seorang yang berjaya di Kuala Lumpur disekitar tahun 1920-an (Suleiman Mohamed, Lokman Haji Mohd. Zen, 1999: 95-96). Beliau juga sangat prihatin dalam pembangunan keagamaan dengan membina sebuah Masjid di Setapak dan selanjutnya masjid ini telah diubahsuai pada tahun 1933 dengan nama Masjid Jaminul Ehsan. Disamping itu juga beliau telah mendirikan sebuah Madrasah ar-Rahmaniah di Jalan Khatib Koyan berhampiran dengan Jalan Raja Abdullah di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Bersebelahan dengan madrasah tersebut juga telah didirikan sebuah surau yang dinamakan surau Khatib Koyan (Temubual dengan Raja Hasan bin Raja Bighab, di Kampung Baru, pada 29 November 2009).

Mohamed bin Bagindo Samah juga merupakan salah seorang pedagang Minang yang berjaya pada awal abad ke-20. Beliau telah merantau ke Tanah Melayu pada tahun 1905 bersama ayahnya Bagindo Samah. Mohamed Bagindo Samah, (nama asalnya Baharuddin) ketika dibawa oleh ayahnya ke Semenanjung Tanah Melayu hanya berumur tiga tahun. Bagindo Samah membuka lombong di Ulu Yam dan beliau juga memiliki sebuah kilang sabun. Pada tahun 1900 belum banyak orang yang memiliki kereta kuda pada waktu itu dan antara mereka yang berjaya memilikinya adalah Bagindo Samah. Setelah Bagindo Samah meninggal perniagaan beliau diteruskan oleh anaknya Mohamed bin Bagindo Samah, sehingga beliau berjaya menjadi seorang perantau Minang yang berjaya. Mohamed bin Bagindo Samah mempunyai tiga orang saudara dari ibunya yang bernama Nanga, iaitu Kamariah, Bainun dan Mohammad Bagindo Samah. Mohammad Bagindo juga menantu kepada Za'Ba, kerana beliau telah menikah dengan Raihana binti Zainal Abidin (seorang guru menengah kerajaan), ia adalah anak sulung daripada Za'ba (Adnan Haji Nawang, 1986). Sebelum berkecimpung dalam bidang perniagaan Mohamed Bagindo Samah adalah pembantu teknik yang bekerja di Jabatan Mekanik Keretapi Melayu (DOKL 2937).

Selain Bagindo Samah, seorang perantau Minang yang telah merantau ke Kuala Lumpur adalah Panglima Garang. Pada tahun 1884 Panglima Garang telah memohon kebenaran untuk membuka sebuah kawasan baru untuk perlombongan berhampiran dengan Sungai Padang di Ulu Yam (Ulu Selangor 957/84). Panglima Garang adalah salah seorang panglima perang dari Pahang dan menjadi Penghulu di Selangor (Suleiman Mohammed, Lokman Haji Mohd. Zen, 1999: 91-92). Nama asalnya adalah Abdul Samad, kemudian digelar Panglima Garang Samad. Beliau adalah anak daripada Pakeh Garang berasal dari Rawa Minangkabau (Zaffuan Haji Manap, 2007: 120, 132-133).

Bandar Kuala Lumpur pada awal tahun 1900 juga sibuk dengan perniagaan secara kecil-kecilan yang kebanyakannya dijalankan oleh perantau Minang. Mereka menjual barang-barang runcit dan sayur-sayuran terutama di Pasar Minggu (Annual Report on the sosial and economic progress of the people of Selangor 1938, Government Press, Kl, 1939:135.) Bahkan ada juga yang menjadi usahawan dalam bidang jahitan, pemilik toko buku, penjual pakaian, peniaga barang runcit dan ubat-ubatan. Bahkan terdapat juga ramai dari para wanita Minang yang menjual berbagai jenis makanan di Pasar Minggu Kampung Baru. Pedagang-pedagang yang tinggal di Jalan Melayu, Kuala Lumpur kebanyakannya adalah mereka yang merantau dari Sumatera untuk berniaga. Antara tokoh pedagang yang ternama pada tahun 1930-an adalah seperti Haji Ramli Hayati, Haji Rijan bin Haji Abdul Majid, Haji Aminuddin bin Yusuf, Haji Abdul Wahab, dan Encik Md. Tahir Darwis. Perantau-perantau Minang yang tinggal di Kampung Datuk Keramat, Kampung Baru, Jalan Melayu, Taman Gazali, Benteng, Chow Kit, Pudu Raya, dan Pasar Minggu adalah mereka yang berasal dari berbagai tempat di Minangkabau terutamanya dari kawasan Agam dan Pariaman. Sebahagian besar dari mereka yang mengusahakan perusahaan membuat songkok adalah mereka yang datang dari desa Kapau di daerah Bukit Tinggi. Salah seorang daripada peniaga Minang tersebut adalah Haji Suru yang mempunyai kedai songkok di Wisma Yakin (Bukhari, 10 Februari 2010). Begitu juga mereka yang membuka restoran Padang juga sebahagian besarnya berasal dari desa-desa sekitar Bukit Tinggi dan Pariaman (Naim, 1979: 147).

Pedagang-pedagang kecil tersebut pada umumnya terdiri dari perantau Minang generasi pertama yang datang ke Kuala Lumpur sebelum perang atau sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Ada juga di antara perantau Minangkabau yang datang ke Tanah Melayu dengan maksud untuk mencari kerja, tetapi terpaksa kembali semula ke Tanah Minangkabau kerana sakit seperti keluatga Sutan Melana yang berasal dari Palembang. Pada tahun 1926 Sutan Melana telah datang ke Kuala Lumpur bersama isteri dan dua orang anaknya. Tetapi setelah tujuh hari sampai di Kuala Lumpur, mereka sekeluarga diserang malaria dan dirawat di hospital Kuala Lumpur. Akibat penyakit itu isterinya meninggal dunia di hospital tersebut. Sutan Melana dan anak-anaknya dirawat selama 4 bulan di hospital Kuala Lumpur sehingga sembuh. Setelah sembuh mereka Sutan Melana memutuskan untuk kembali semula ke kampung halamannya (Sel-Sec 4430/1926).

Kebanyakan perantau Minangkabau yang berniaga di Tanah Melayu, khasnya di Kuala Lumpur adalah kerana mereka mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut sejak dari kampung halamannya (Naim, 1979: 147. Seramai 9 orang daripada 13 orang peniaga Melayu yang berniaga di Kuala Lumpur adalah terdiri daripada mereka yang berniaga sejak tahun 1930 hingga tahun 1950-an. Kebanyakan mereka yang berniaga tersebut telah meneruskan warisan yang telah dibina oleh keluarganya. Kebanyakan perantau Minang yang berhijrah ke Kuala Lumpur telah melibatkan diri dalam perniagaan. Ini adalah disebabkan kebanyakan mereka tidak memiliki tanah untuk bertani tambahan pula kesemuanya sukar untuk mencari pekerjaan di jabatan kerajaan. Memandangkan kebanyakan mereka ini mempunyai pengalaman berniaga semasa di Sumatera dan semasa berada di tempat baru maka mereka telah memilih untuk

berniaga. Seperti Md. Tahir Darwis yang berpengalaman berniaga kerana membantu saudaranya berniaga di Sumatera. Begitu juga dengan Haji Rijan yang memiliki pengalaman membantu orang tuanya berniaga semasa di Sumatera telah mengusahakan perniagaannya di Kuala Lumpur. Pengalaman berniaga di tanah Minang juga telah menjadikan Haji Abdul Wahab, Haji Aminuddin dan Annuar Jelaham mengusahakan perniagaannya di Kuala Lumpur.

Kebanyakan perantau Minang mempunyai kemahiran dalam jahitan dan juga masakan justeru itu kebanyakannya telah membuka kedai makan, songkok dan menjahit pakaian. Sebahagian besar dari para peniaga-peniaga dan tukang jahit keturunan Minang telah membuka perniagaannya di Jalan Melayu, Jalan Raja Bot, dan Pasar Minggu Kampung Baru. Oleh itu dapat dikatakan bahawa aktiviti-aktiviti perniagaan Melayu di Kuala Lumpur terutamanya dalam perniagaan pembuatan songkok telah diusahakan oleh perantau Minang yang telah lama bermastautin di Kuala Lumpur. Malahan sebuah akhbar Melayu tahun 1930 juga menyebutkan bahawa orang-orang Melayu tempatan yang terlibat dalam perniagaan adalah kurang dan kebanyakan peniaga-peniaga Melayu itu adalah terdiri daripada orang-orang Melayu dari Sumatera dan Jawa (*Majalah Tanah Melayu*, June 1934)

Di Kampung Tengah Batu 6 Gombak seorang perantau Minang bernama Abdul Hamid bin Ibrahim telah berjaya membuka sebuah kedai. Beliau yang berasal dari Bonjol dan isterinya pula berasal dari Pariaman, Minangkabau. Abdul Hamid bin Ibrahim telah merantau ke Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1900 dan semasa tiba di Kuala Lumpur telah menyewa sebuah kedai kecil untuk dijadikan sebagai kedai kopi. Kemudian beliau berjaya memiliki kedainya sendiri disamping beliau juga berjaya mengembangkan perniagaannya. Dari hasil kedai kopi tersebut beliau telah berjaya membeli tanah di kawasan Kampung Tengah Batu 6 Gombak seluas 1 ekar. Tanah tersebut telah diusahakan dengan tanaman getah dengan membawa para pekerja yang juga terdiri dari orang-orang Minang.

Selain itu, pedagang-pedagang Minang yang terkenal di Kuala Lumpur adalah Sultan Puasa. Beliau menjalankan perniagaan di Ampang sewaktu Raja Abdullah meneroka Kuala Lumpur. Beliau adalah salah seorang pedagang Melayu yang berasal dari Sumatera yang telah membuka perniagaan berhampiran dengan kediaman pekerja lombong di Ampang (Samad Idris, 1990). Beliau dikatakan telah menjalankan perniagaan sebagai pemborong barang-barang. Barang-barang jualan yang diperniagakan oleh Sultan Puasa dibelinya daripada dua orang taukeh China di Lukut yang mengusahakan bijih timah bernama Hiu Siew dan Ah Sze. Sultan Puasa juga amat berpengaruh dan telah membawa kedua-dua mereka untuk berniaga di Ampang dan Hiu Siew dan Ah Sze telah meninggalkan Lukut dan membuka perniagaan barunya di Ampang. Setelah orang-orang Cina bertambah ramai datang mendiami tempat itu, atas pertolongan Sultan Puasa dan sokongan orang-orang Melayu di tempat itu, Hiu Siew telah diangkat menjadi ketua orang-orang Cina di situ dengan memakai gelaran yang disebut Kapitan Cina. Dialah Kapitan Cina yang pertama di Kuala Lumpur. Bahkan apabila Yap Ah Loy akan diangkat menjadi Kapitan Cina untuk menggantikan Kapitan Liu Ngim Kong jika ia meninggal dunia, maka Liu Ngim Kong telah datang menemui Sultan Puasa saudagar Melayu yang terkemuka pada masa itu di Kuala Lumpur, untuk meminta persetujuannya. Kemudian Yap Ah Loy dengan Sutan Puasa adalah sahabat baik, sehingga pada tahun 1869, Chong Chong bekas ketua Yap Ah Loy pada masa bekerja di lombong Lukut (sekitar tahun 1856), dengan dua puluh orang pengikutnya telah datang ke Kuala Lumpur dengan tujuan mencari helah, untuk menggoyahkan kedudukan Yap Ah Loy, supaya dia juga dapat menjadi Kapitan Cina di Kuala Lumpur. Chong Chong juga mencuba supaya Sultan Puasa dengan Yap Ah Loy yang bersahabat baik itu berkelahi, tetapi Chong-Chong tidak berjaya. Ketika mendengar berita kematian Ah Sze yang dibunuh oleh orang Chong-Chong di Kanching itu. Yap Ah Loy meminta bantuan Sultan Puasa dari Ampang dan Raja Asal dari Ulu Kelang, membawa orang-orang mereka, Cina dan Melayu, kira-kira seramai 1000 orang ke

Kanching untuk menelisis kematian Ah Sze tersebut. Kemudian pada tahun 1869, Raja Mahadi datang ke Kuala Lumpur. Dengan bantuan Sultan Puasa, Raja Asal dan orang-orang Melayu di Kuala Lumpur, dalam suatu istiadat yang meriah yang dihadiri oleh orang-orang Cina bersama dengan orang-orang Melayu, Raja Mahdi telah menjalankan istiadat mengiktiraf pelantikan Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur (Buyong Adil, 197: 55-71).

Selain itu keturunan Kerinci Sumatera yang terkenal pula bernama Haji Abdullah Hukum, yang merantau dari Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu bersama bapanya pada tahun 1850. Beliau berasal dari Kariah Sungai Penuh negeri Kerinci. Nama asalnya adalah Muhammad Rukun, dan digelar menurut adat sebagai Arya Jaya. Ketika di Selangor, beliau pergi menunaikan ibadah haji sehingga beliau di gelar Haji Abdullah Hukum (nana yang masyhur hingga sekarang ini. Ayahanda beliau bernama Sekancing, ertinya “kunci pintu”, bergelar Tuk Pangku, kemudian di Padang Arafah mendapat gelaran Haji Abdul Rahim (*Warta Ahad* 6 Oktober 1935: 5,6,19, 20).

Haji Abdullah Hukum dibawa oleh ayahandanya berdagang meninggalkan Sumatera semasa berusia 10 tahun. Pada tahun 1850 beliau meninggalkan Sumatera melalui Pekan Baru, Siak dengan sebuah sekoci belayar menuju Tanah Semenanjung dan menempat di Melaka. Ketika di Melaka mereka menumpang di rumah Datuk Dagang bernama Haji Said, iaitu bapa saudara Tambi Abdullah seorang peniaga yang berjaya di Kuala Lumpur dan bergelar Datuk Abdullah. Setelah tiga hari di Melaka, mereka belayar dengan sebuah nadil menuju ke Pengkalan Kempas. Dari situ Haji Abdullah Hukum mengambil upah menggalas kain daripada seorang saudagar kain yang kaya, keturunan Kerinchi, bernama Haji Abdul Rahman. Dengan jalan itulah mereka sampai ke Sungai Ujong. Selama lapan hari mereka tinggal di Sungai Ujong, tetapi tidak dapat pekerjaan, maka mereka menumpang dengan kumpulan orang Inggris yang menggalas kain ke Kuala Lumpur. Sampai di Kuala Lumpur mereka menumpang di rumah Haji Abdul Ghani, orang Air Bangis Minangkabau, yang berkedai di Java Street sekarang.

Semasa sampai di Kuala Lumpur, Haji Abdullah Hukum bekerja mengambil upah membuat tali air di Serambut yang diusahakan oleh Sultan Puasa. Setelah itu Haji Abdullah Hukum bekerja melaman di Setapak selama tiga tahun. Semasa berpindah ke Hulu Klang, beliau mencari rezeki dengan mengambil upah kerja kontrak dan binaan yang dimiliki oleh Raja Bilah (*Warta Ahad* 13 Oktober 1935:7,8 dan 18). Selama menetap di Jalan Pudu berbagai-bagai pekerjaan telah di lakukan olehnya. Beliau pernah menjadi nakhoda mengambil upah atau tambang membawa beras dari Klang ke Kuala Lumpur dengan perahu. Upahnya sekoyan \$40. Perahunya buatan Linggi, dan pelayaran dari Klang ke Kuala Lumpur itu selamanya bergalah dan lamanya diantara 10-15 hari, tetapi jika musim hujan, boleh sampai dalam tiga hari, kerana air dalam. Untuk meluaskan mata pencarian Haji Abdullah Hukum juga pernah berniaga kerbau. Ketika tidak kuasa lagi untuk menggalas kerbau, Haji Abdullah Hukum memusatkan perhatiannya kepada perkebunan, di samping sebagai ketua (*Warta Ahad* 17 November 1935: 9,10,16).

Semasa Haji Abdullah Hukum tiba di Kuala Lumpur pada tahun 1850, hanya terdapat dua batang jalan atau lorong yang kini dikenali sebagai jalan *Java Street* dan *Market Street*. Manakala *Ampang Street* (Lorong Ceti) ketika itu masih merupakan kawasan kolam ikan yang dimiliki oleh Sultan Puasa. Rumah-rumah kedai masa itu terdiri dari atap bertam, dinding pelupuh (buluh) dan orang yang berniaga di situ seperti menjual kain dan makanan semuanya terdiri dari orang Melayu, iaitu orang Rawa dan Mandailing yang ketuanya masa itu adalah Sultan Puasa dan Raja Bila. (*Warta Ahad* 23, 6.10.1935 dan *Warta Ahad* 29, 17.11.1935). Kedua-dua mereka ini mengutip hasil dagangan yang lalu lintas melalui Sungai Klang atau Sungai Gombak seperti cukai keatas timah yang telah dikenakan sebanyak seringggit sebahara (tiga pikul) (*Warta Ahad*, 6 Oktober 1935).

Sejarah awal Kuala Lumpur juga diwarnai oleh usaha perniagaan yang diusahakan oleh orang

Melayu yang memiliki kedai. Antara peniaga Melayu yang berjaya adalah orang Minang seperti Haji Abdus Samad, Haji Abdul Majid Panjang, Haji Abdus Samad Panjang, Haji Abdus Samad Kecil, Haji Muhammad Ali, Haji Utsman, Haji Zainal Abidin, Hajah Fatimah, Haji Abdullah Panjang Hashim, Banginda Kaya Haji Arsyad dan Datuk Maharaja. Dari kalangan orang Mandailing pula ialah Sultan Puasa sementara orang Kerinci yang berjaya ialah Haji Arsyad. Disamping itu juga terdapat orang Melayu dari Melaka seperti Datuk Abdullah dan peniaga Melayu dari Pulau Pinang yang menetap di Kuala Lumpur ialah Che Din dan Encik Baki Melaka iaitu mentua Haji Abdullah Hukum. Sementara peniaga Melayu dari Aceh ialah Haji Saleh dan dari Terengganu ialah Che' Soh (*Warta Ahad* 27 Oktober 1935).

Penempatan orang Minang juga meliputi di luar Kuala Lumpur yang sedang membangun dan terutamanya dikawasan yang terdapat perusahaan bijih timah. Kawasan penempatan baru ini telah dapat menarik ramai penempatan baru dan juga terdapat peningkatan penduduk yang mendadak disebabkan oleh perusahaan lombong. Pada awal abad ke-20, di Serendah, Hulu Selangor telah muncul sebagai sebuah kawasan perlombongan juga banyak terdapat kedai-kedai yang menjalankan pelbagai perniagaan. Pada tahun 1914, seorang ahli perniagaan Cina yang terkenal bernama tauke Ban Lee telah membina dua buah rumah kedai setinggi di Jalan Besar di hadapan rumah rehat kerajaan. Salah sebuah dari kedai makan itu digunakan sebagai kelab malam yang kenali dengan nama "SERENDAH" yang menjual minuman arak dan lain-lain minuman import. Di sebelah rumah rehat itu juga terdapat sebuah lagi kedai yang menjual minuman arak yang dipanggil "RETAIL" yang dimiliki oleh Tan Boon Khong, dan sebuah lagi kedai arak yang terdapat di No. 3, Jalan Silang dimiliki oleh seorang yang bernama D. Fallow tetapi beliau ini tidak dipastikan sama ada berbangsa Serani atau Eropah. Kebanyakan kedai-kedai tersebut adalah kepunyaan orang Cina. Namun terdapat dua kedai makan yang dimiliki oleh orang Minang dan satu kedai makan yang dimiliki India Muslim. Kedai runcit merupakan kedai yang paling banyak terdapat di sini kesemuanya dimiliki oleh orang Cina kecuali satu yang dimiliki oleh orang Melayu dari Air Bangis Minang bernama Haji Muhammad Syukur. (Ismail Bin Abdul Hamid, 1990: 13).

Pembukaan lombong bijih di Ulu Selangor telah mengakibatkan peningkatan penduduk dan mewujudkan penempatan baru. Dengan itu peluang perniagaan dan perlombongan amat terbuka luas. Justeru itu, Imam Luddin, Nama sebenarnya adalah Hj. Shahabudin. Beliau adalah menantu kepada Tun Haji Mustapha bin Raja Kamala adalah salah seorang pengasas Kampung Gumut Kalumpang, yang pindah dari Bernam/Tanjung Malim. seorang perantau Minang yang berasal dari Nagari Kota Raja, Rao Pasaman Sumatera Barat, juga terkenal sebagai seorang yang kaya di kampung Kalumpang Hulu Selangor. Beliau adalah orang yang mula-mula melampun biji timah di tempat yang bernama Sungai Tuntung, yang berhampiran dengan perkuburan lama Kalumpang. Beliau dipanggil Imam Luddin kerana kealimannya dan juga kekayaannya. Salah seorang anaknya yang bernama Sawiyah telah berkahwin dengan Tuan Hj. Abd. Rashid bin Sirun. Haji Abdul Rashid bin Sirun adalah anak kepada Siti Esah, seorang keturunan Rao yang berasal dari Kampung Ulu Atok, Raub Pahang, yang berkaum kerabat dengan keluarga Panglima Garang. Siti Esah dan keluarganya berhijrah ke Hulu Bernam (Tanjung Malim), lalu ke Kampung Gumut Kalumpang. Penghijrahan Siti Esah memang agak menarik. Siti Esah dikatakan seorang perempuan yang sangat cantik ketika itu. Sehingga D.Y.M.M Sultan Pahang berkenan kepadanya. Untuk mengelakkan diri, Siti Esah dan keluarganya berhijrah ke Bernam. Masa itu Bernam atau Tanjung Malim berada di bawah pemerintahan Penghulu Tua Tun Haji Mustapha bin Raja Kamala. Di sana Siti Esah menikah dengan Haji Sirun, kaum kerabat Tun Haji Mustapha Bin Raja Kamala. Beliau dianugerahkan gelaran Datuk Dagang Kalumpang oleh DYMM Sultan Selangor.

Setelah kematian isteri tua Imam Luddin yang bernama Laini, Imam Luddin berkahwin dengan anak Penghulu Tun Hj. Mustapha yang bernama Lelo, dan mendapatkan seorang anak iaitu Sabariah. Kemudian Sabariah juga dikahwinkan dengan kaum kerabat Tun Haji Mustapha yang bernama Abdul Aziz. Zulkifli Haji Buyung, menerima cerita ini daripada Allahyarham Hj Abd. Aziz Hj. Rashid anak saudara Lawiyah. yang telah menjadi orang kaya Kalumpang, dengan gelar Datuk Dagang Hj.Abd.Rashid. Seorang lagi anak perempuan Imamluddin ialah Lawiyah, isteri kepada Penghulu Haji Mohd. Daud. Memandangkan mereka tidak mempunyai zuriat, maka Penghulu Haji Mohd. Daud mewakafkan harta Lawiyah dengan mendirikan sebuah madrasah di Kampung Gumut Kalumpang, yang diberi nama Madrastul Daudiah. Di kampung Gumut Kalumpang juga banyak tanah Imam Luddin yang diagihkan kepada anak cucunya. Oleh itu dapat dikatakan bahawa Imamluddin adalah orang kaya yang ulung di Kalumpang dan Tanjung Malim pada masanya.

Kesimpulan

Sejarah awal Kuala Lumpur penuh diwarnai oleh kegiatan masyarakat perantau yang datang kebanyakannya dari tanah Jawa dan juga tanah Minang. Pembukaan bandar Kuala Lumpur yang diasaskan oleh perlombongan bijih dan kemudiannya diikuti dengan kedatangan imigran Cina telah menjadikan bandar ini pusat pertumbuhan ekonomi yang penting. Justeru itu peluang-peluang perniagaan, perlombongan terbuka luas kepada mereka yang berusaha dengan kuat untuk mencari sebuah penghidupan baru. Oleh itu peluang keemasan yang terbentang luas ini telah di ambil oleh perantau Minang yang amat kuat dengan tradisi mereka berdagang dan berniaga dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai rumah dan halamannya yang baru. Kegigihan perantau Minang yang bergiat aktif dalam bidang ekonomi di di Kuala Lumpur tidak dapat dipersoalkan lagi. Bidang ekonomi yang mereka ceburi adalah sektor pertanian, perniagaan, dan perlombongan jelas terlihat dalam sejarah awal Kuala Lumpur. Walaupun mereka telah dikelompokkan ke dalam kluster peniaga Melayu namun secara amnya peniaga-peniaga Melayu yang menetap di Kuala Lumpur dapat di kategorikan dalam tiga kumpulan subetnik iaitu, Melayu, Jawa dan Minang. Seterusnya kebanyakan tokoh-tokoh Minang yang berjaya dan berpendidikan tinggi di Kuala Lumpur adalah mereka-mereka yang datang daripada keluarga para pedagang-pedagang Minang yang berjaya. Ini telah membuktikan bahawa selain meningkatkan tahap ekonomi pedagang Minang juga berjaya meningkatkan tahap pendidikan dan sosial keluarga mereka di tanah rantau. Ini juga bermakna bahawa merantau dan berdagang adalah salah usaha mempertingkatkan status keluarga.

Rujukan

Sumber Arkib:

- Annual Report on the Sosial and Economic Progress on the People of Selangor 1938*. F.M.S. Government Press. Kuala Lumpur. 1939
- District Office Ulu Langat, 30 May 1907, No.File 3006/1907: *Application by Haji Mohamed Taib bin Haji Abdul Samat for 25 Acres of Mining Land at Semenyih*
- District Office Ulu Selangor 11 April 1911. *Application by Haji Abbas bin Haji Abdul Samad for Mining Rights Over 7 Acres of Land in Pretak*.
- DOKL 2937. *Application for Housing Loan- 5000/-* District Office Kuala Lumpur, 8th September 1954.

- MISC 183/80: *Petition from the Minangkabau Residents of Kuala Lumpur Asking That "Haji Abdul Samat" be Appointed Penghulu Vice Sheikh Mohd Alie*
- NATIVE 2311/89; *Re Reading of his 'Undang-Undang'*. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 1889
- Persatuan Melayu Selangor (PMS). *Riwayat Hidup Haji Abdullah bin Haji Mohd Taib*, 15 April 1934.
- Secretariat 4304/1896. *Sertificate or Pass to Enable Haji Mohamed Taib bin Haji Abdul Samad to Visit Sumatera*. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 1896.
- Sel-Sec 4430/1926: *Repartriation of three Sumatera Malays to Palembang*.
- SSFR (Straits Settlements Factory Records)
- Ulu Selangor 957/84. *Enclosing a letter received from Panglima Garang Applying for Permission to open up the Country in the vicinity of Sungai Padang in the Ulu Yam District for the Purpose of Mining re*. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 15 May 1884
- Majalah Tanah Melayu*, June 1934
- Surat kabar: Warta Ahad*

Buku dan Journal:

- A Samad Idris (1990) *Payung berkembang*. Pustaka Budiman, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim (ed) (1984) *Minangkabau Minangrantau*. Fa Madju, Medan.
- Bahar Dt. Nagari Basa (1966) *Tambo dan silsilah adat Minangkabau*. Eleonora, Payakumbuh.
- Buyong bin Adil (1971) *Sejarah Selangor*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Corteseo A (ed) (1944) *The suma oriental of Tome Pires: An account of the east, from Red Sea to Japan, written in Malacca and India in 1512-1515*. The Hakluyt Society, London.
- Cowan CD (1950) Early Penang and the rise of Singapore 1805-1832. *JMBRAS*. Xxiii, 1950. de Haan, F. "Naar Midden Sumatra in 1684", *TBG*, xxxix (1897).
- Dobbin C (1977) Economic change in Minangkabau as a factor in the rise of the Padri movement 1784-1830. *Indonesia* no.23 (April) 1977.
- Dobbin C (1983) *Islamic revivalism in a changing peasant economy Central Sumatra, 1784-1847*. Scandinavian Institute of Asian Studies Monograph Series no.47. Curzon Press, London and Malmo.
- Dobbin C (1992) *Kebangkitan Islam dalam ekonomi petani yang sedang berubah, Sumatera Tengah 1784-1847*. Inis, Jakarta.
- Gullick JM (1989) *Malay society in the late nineteenth century, the beginnings of change*, Oxford University Press, Singapore.
- Gullick JM (1998) *Kuala Lumpur, 1880-1895*. Pelanduk Publications, Kuala Lumpur.
- Gullick JM (2000) A history of Kuala Lumpur 1857-1939. *MBRAS*, Monograph. No.29, 2000.
- Haevey DF (1884) Vanlentyen's description of Malacca. *JSBRAS* Vol.13, 1884.
- Krom NJ (1931) *Hindoe-Javaansche Geschiedenis*. Den Haag.
- Lokman Haji Mohd. Zen (1999) *Sejarah Kampung Bahru, di sini awal segalanya bermula*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansoer MD, Amrin Imran, Mardanas Safwan, Asmaniar Z Idris, Sidi I Buchari (1970) *Sejarah Minangkabau*. Bhatara, Djakarta.
- Mansel LD (1919) *The commentaries of the Great Alfonso Dalbuquerque, second Viceroy of India, works issued by The Hakluyt society*, Vol. XLIX. London.
- Marsden W (1811) *The history of Sumatra*. London.
- Meilink Roelofsz MAP (1962) *Asian trade and Europaen influence in the Indonesia archipelago between 1500 and about 1630*. Martinius Mijhoff. The Hague.

- Mochtar Naim (1979) *Merantau pola migrasi Suku Minangkabau*. Gadjah Mada University Press, Yogyakarta.
- Muhammad Yusoff Hashim (1989) *Kesultanan Melayu Melaka*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nahuijs Kolonel (1827) *Brieven over Bencoolen, Padang, het Rijk van Menangkabau, Rhious, Singapoera en Poela-Pinang*. Breda. F.B.Hollingerus Pijpers.
- Nordin Hussin (2011) Coastal port-towns and the trading network of the Straits-Malay traders. *Journal of Social Sciences and Humanities* **19** (1), 197-216.
- Nordin Hussin (2008) Geografi dan perdagangan: Kepentingan Selat Melaka kepada perdagangan dunia, Asia dan Dunia Melayu 1600-1800. *Akademika* **73**, May, 2008.
- Nordin Hussin (2007) *Trade and society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. NUS Press, Singapore.
- Nordin Hussin (2005) Networks of Malay merchants and the rise of Penang as a regional trading centre. *Journal of Southeast Asian Studies* **43** (3).
- Reid A (1969) *The contest for North Sumatra*. Oxford University Press, Singapore.
- Reid A (1980) The structure of cities in Southeast Asia, Fifteenth to Seventeenth Centuries. *JSEAS*, **IX** (2).
- Roff W (1967) *The origins of Malay nationalism*. University of Malaya Press, Singapore.
- Roff W (1966) The life and times of Haji Othman Abdullah. *Peninjau Sejarah* **1** (2).
- Schnifger FM (1964) *Forgotten kingdoms in Sumatra*. E.J. Brill, Leiden.
- Shrieke B (1957) *Indonesia sociological studies*. Selected Writing of B.Shrieke.
- Sulaiman Ahmad (1934) *Majalah Tanah Melayu*. Edited & Published by Sulaiman Ahmad, 28, Chulia Street, Singapore, June 1934.
- Treacher WH (1894) *Notes of visits to Districts in Selangor*. Kuala Lumpur.
- Tsuyoshi Kato (1989) *Nasab ibu dan merantau, tradisi Minangkabau yang berterusan di Indonesia*. Azizah Kassim (terj.) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Usman Pelly (1984) Orientasi nilai budaya orang Minangranau. In: Ahmad Ibrahim (ed) *Minangkabau, Minangrantau*. Penerbit Maju, Medan.
- Wang Gungwu (1964) The opening of relations between China and Malacca 1403-1405. In: Bastin J, Roolvink R (ed) *Malayan and Indonesia studies*. Clarendon Press, Oxford.
- Wang Gungwu (1968) The first three rulers of Malacca. *JMBRAS* **41** (II).
- Wang Gungwu (1970) China and South-East Asia 1402-1424. In: Chien J, Tarling N (ed) *Studies in the social history of China and South-East Asia, essays in memory of Victor Purcell*. Cambridge University Press, Cambridge.
- Westenenk LC (1916) Opstellen Over Minangkabau, I, *TBG*, IV.
- Westenenk LC (1916) Opstellen Over Minangkabau, II, *TBG*, IVII.
- Winstedt RO (1955) An old Minangkabau legal digest from Perak. *JMBRAS* **VII**. Malaya Publishing House, Singapore.
- Zaffuan Haji Manap (2007) *Bingkisan sejarah Raub, Rao dan Pagaruyung: Pertaliannya dengan Raub dan Pahang*. Anjung Media Resources.

Temu bual:

- Firdaus Abdullah. 2006. Temu bual di rumah salah seorang pensyarah pelawat Institut Alam Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, di Sungai Tangkas, pada 15 Ogos.
- Azman bin Bagindo Sama (56 tahun). 2006. Temubual di rumahnya, di Kampung Melayu, Kuala Lumpur, pada 23 Ogos.
- Abdul Azis bin Abdul Hamid (Pak Buyung). 2007. Temu bual di rumahnya di Kampung Tengah, Batu 6, Gombak pada 13 November .

Raja Hasan bin Raja Bighab. 2009. Temu bual di rumahnya, di Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada 29 November.

Pak Bukhari. 2010. Temu bual di pejabatnya, di Taman Keramat Permai, Kuala Lumpur, pada 10 Februari.